

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DR. ONG KIAN MING
(SERDANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 11.06.2014

Y.B. DR. ONG KIAN MING [SERDANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah dana KWAP yang dilabur dalam Asiasons Capital Ltd. dan apakah jumlah kerugian KWAP akibat daripada pelaburan ini.

JAWAPAN

Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) tidak membuat pelaburan dalam Asiasons Capital Limited yang disenaraikan di Bursa Saham Singapura. Oleh itu, tiada kerugian yang ditanggung oleh KWAP berkaitan dengan pelaburan di dalam Asiasons Capital Limited. Namun, KWAP merupakan salah satu daripada pelabur di dalam dana persendirian Dragonrider

Opportunity Fund II (DOF II) yang mana Asiasons Private Equity II Inc adalah pengurus pelaburan bagi dana tersebut. Bermula dari 6 Mei 2014, Asiasons Private Equity II Inc telah diswastakan dan ianya bukanlah lagi anak syarikat Asiasons Capital Limited.

2. DOF II adalah dana persendirian yang mensasarkan pelaburan dalam sektor pengguna dengan tumpuan dalam sektor *Food & Beverages*. ASEAN merupakan fokus geografi dalam pelaburannya. Pelaburan KWAP di dalam DOF II telah dibuat pada tahun 2011 dengan komitmen sehingga maksimum USD20 juta atau 20 peratus daripada saiz dana DOF II (yang mana lebih rendah). Pada masa ini, KWAP telah menyalur sebanyak USD6.15 juta (atau RM19.76 juta) daripada jumlah keseluruhan komitmen untuk pelaburan persendirian DOF II di dalam 6 buah syarikat. DOF II telah menunjukkan prestasi yang kukuh dalam pelaburan persendirianya dan kadar pulangan dalaman (IRR) kasar semasa adalah sebanyak 26% (sehingga 31 Mac 2014).

**KEMENTERIAN TIDAK DAPAT MENGEMUKAKAN
JAWAPAN BAGI SOALAN LISAN NO. 167 PADA
ATURAN URUSAN MESYUARAT HARI INI.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' HENRY SUM AGONG [LAWAS]

TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)

SOALAN : 168

Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk mengadakan kemudahan kereta api di Sarawak bermula dari Kuching ke Lawas dan langsung ke negeri Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa sekarang, Kerajaan tiada sebarang perancangan untuk menyediakan kemudahan keretapi bagi negeri Sarawak mahupun menyediakan kemudahan keretapi yang menyambungkan Sarawak dengan Sabah. Kerajaan Persekutuan juga belum menerima sebarang cadangan daripada Kerajaan Negeri Sarawak berkenaan hal ini.

Sebarang cadangan pembangunan kemudahan keretapi, termasuk di Sarawak, perlu dikaji kesesuaiannya mengambilkira kos yang perlu dibelanjakan serta pulangan dari segi bilangan penumpang serta jumlah barang (*freight*) yang dijangkakan akan diangkut oleh perkhidmatan keretapi yang ingin dibangunkan. Kajian ini perlu bagi memastikan bahawa negara memperoleh pulangan yang setimpal dengan pelaburang yang dikeluarkan oleh Kerajaan dalam membangunkan sesuatu kemudahan rel tersebut.